

INFOKUS

UMT

SEPTEMBER 2016 | Bil. 56
www.umt.edu.my



Menteri Pendidikan Tinggi
Lancar Buku
Masjid Ulul Albab

Tahniah


KSU KPT

Tan Sri Dr. Noorul Ainur
binti Mohd Nur

Tahniah Malaysia

59 Tahun Merdeka!

ISSN 1675-2139



9 771675 213002

**TERKINI
DI PASARAN**

MASJID ULUL ALBAB

MASJID
ULUL
ALBAB



Noraien Mansor
Nor Aieni Haji Mokhtar

RM20

MASJID ULUL ALBAB

**Pengarang : Noraien Mansor
Nor Aieni Haji Mokhtar**
Tahun Terbit : 2016
Terbitan : Penerbit UMT
Harga : RM20.00

Masjid Ulul Albab adalah dokumentasi seni reka dan pembinaan Masjid Ulul Albab yang terletak di Seberang Jerneh, Terengganu. Masjid ini juga dikenali sebagai Masjid Kayu. Keunikan seni bina berkonsepkan warisan seni bina negeri Terengganu persis sebuah istana lama sering menarik tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Ia bukan sekadar sebuah masjid, tetapi juga destinasi yang wajar dikunjungi apabila bertamu di negeri Terengganu.

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

Ketua Pengarang

YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman
Mohd Izham Mohd A. Wahid
Harisom Anida Musa
Mohd Afifullah Ahmad

Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Jurufoto

Mokhtar Ishak
Muhamad Adli Hashim
Muhammad Ariff Abdul Hamid
Krew Media Kreatif



Kandungan

- 6 Sekalung Tahniah
YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd Nur
atas pelantikan sebagai
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
- 8 UMT Bina Jaringan Kepakaran dengan UTP dan BV
- 10 Menteri Pendidikan Tinggi
Lancar Buku *Masjid Ulul Albab*
- 14 KKPSTEM
Kenal Pasti Isu dan Masalah STEM
- 16 Jamuan Aidilfitri UMT 2016
Raikan Lebaran Kemeriahan Dikongsi
- 18 Semangat Sehangat Jingga
Majlis Anugerah Tahunan UMT 2016
- 20 Lensa Memori
Tahniah Malaysia
59 Tahun Merdeka!
- 22 Kembara Kelulut
Genting Kra Thailand
- 26 Penyelidik UMT
Hasilkan Roti Piza Inovasi Berkalsium Tinggi
- 28 Cakna Asnaf
Berkongsi Rezeki bersama Insan Lain
- 30 Vaksinasi Haiwan dan Kaedah Pencegahan
Syarahan Inaugural
Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid
- 32 Bual Bicara
Keusahawanan dan Kerjaya bersama Ikon Korporat
- 33 Program Kasih Ramadan
Rai Insan Anugerah Tuhan
- 34 Pesta Tuai Pingat
Pencapaian Cemerlang UMT di SUKUM Ke-41
- 36 Pasukan Boling Padang UMT
Lakar Sejarah di SUKUM 2016
- 39 Renungan

Secangkir Rata

*Meniti kepayahan meredah kesukaran...
Mendepani kepuraan memburu keikhlasan...
Ketulusan kawan kesetiaan taulan...
Menjadi kepastian tika diperlukan...*

(Noraien Mansor, 17 Ogos 2016)

Assalamualaikum w.b.t. , Salam Sejahtera, Salam
1Malaysia, Salam Perpaduan dan Salam Sehati Sejiwa.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa, *INFOKUS UMT* edisi September 2016 kembali menemui pembaca setia. Tahniah untuk negara kita Malaysia yang telah menyambut hari Kemerdekaan yang ke-59 dengan tema; *Sehati Sejiwa*. Semoga rakyat Malaysia terus bersatu padu bersatu hati senada sejiwa untuk meranduk keamanan era kini. Sidang redaksi juga mengucapkan sekalung tahniah kepada YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur atas pelantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi yang baharu. Kehadiran YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur dalam dunia pendidikan tinggi sudah pasti akan menyemarakkan lagi kecemerlangan dan kegemilangan untuk terus *soaring upwards* di pentas global.

Meniti kepayahan dan meredah kesukaran sudah pasti menjadi nada dan irama kehidupan dalam usaha untuk menggenggam apa yang dicitakan. Namun tanpa rakan dan taulan yang ikhlas menghulurkan pertolongan, genggam harapan pasti berkaparan. Dalam dunia percaturan untuk mendaki tapak-tapak kegemilangan, akan kekal di awangan jika kawan menjadi lawan, jika lakonan kepuraan berterusan tanpa ketulusan dan kesetiaan nilai keinsanan. Semoga kita sentiasa dikelilingi insan-insan yang mulia yang sanggup meringankan bebanan rakan dalam apa jua keadaan yang diperlukan dan kerahmatan Allah sudah pasti jadi milik bersama. Insya-Allah.



DATO' PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR

Sekapur Sirih

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1UMT dan
Salam Sehati Sejiwa.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya INFOKUS UMT September 2016 ini berjaya diterbitkan. Tahniah dan terima kasih kepada semua yang memberi sumbangan idea berkarya.

Sesungguhnya harapan saya agar penerbitan INFOKUS UMT ini berupaya mencetuskan anjakan paradigma dalam diri warga UMT untuk menajamkan kemahiran menulis dan berkarya. Bagi mendukung hasrat kerajaan untuk menghasilkan perkhidmatan awam yang efektif, berintegriti dan responsif adalah penting agar minda warga sumber manusia UMT dibaja dan dibentuk bagi menghasilkan penulisan yang baik.

Dalam konteks menghasilkan sumber manusia mahir dan berkualiti, universiti perlu mencari pendekatan berinovasi bagi membangun bakat manusia yang berprestasi tinggi. Ini bukan sahaja daripada perspektif ilmu dan kemahiran berkomunikasi, tetapi meliputi aspek pandangan hidup, keupayaan berfikir dan menyelesaikan masalah, serta sikap yang positif dan proaktif.

Akhir kata, saya percaya segala rintangan dan cabaran yang terhampar di sepanjang perjalanan, telah kita tempuhi hasil daripada semangat kekitaan yang begitu tinggi hasil daripada perancangan pelaksanaan yang jitu demi memartarbatkan nama Universiti Malaysia Terengganu.

Sekian.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
waramatullah wabarakatuh.*

PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR

Naib Canselor

Universiti Malaysia Terengganu



Sekalung Tahniah

YBHG. TAN SRI DR. NOORUL AINUR BINTI MOHD NUR
atas pelantikan sebagai

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi





UMT bina jaringan kerjasama kepakaran dengan UTP dan BV

oleh: Mohd Izham bin Mohd A Wahid
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) memulakan jalinan kerjasama kepakaran strategik bersama - sama Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan Bureau Veritas Malaysia Sdn. Bhd. (BV) melalui satu Perjanjian Persefahaman (MoU) dalam satu majlis pada 3 Ogos 2016 di Pusat Komunikasi Strategik (PKS), Putrajaya. Dalam majlis tersebut, UMT dan UTP diwakili oleh Naib Canselor masing - masing, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan YBhg Datuk Ir. Dr. Abdul Rahim Haji Hashim, manakala Ir. Haji Othman Abdul Kadir selaku Country Chief Executive, mewakili Bureau Veritas Malaysia Sdn Bhd.

BV, merupakan Syarikat Pengkelasan dan Pensijilan Perkapalan antarabangsa terkemuka, manakala UTP, sebuah universiti yang ditubuhkan oleh PETRONAS.

Kedua - dua syarikat ini dikenali memiliki keupayaan persaingan tinggi di peringkat antarabangsa dan terkehadapan dalam industri masing - masing. UMT berhasrat melalui



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan Naib Canselor UTP, YBhg. Datuk Ir. Dr. Abdul Rahim Haji Hashim menandatangani dokumen perjanjian kerjasama penyelidikan.



Ir. Haji Othman Abdul Kadir (dua dari kiri), YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar (tiga dari kiri) dan YBhg. Datuk Ir. Dr. Abdul Rahim Haji Hashim (tiga dari kanan) bergambar bersama pakar penyelidik masing-masing.

jalinan kerjasama ini akan dapat berkongsi maklumat pintar bukan sahaja dalam merealisasikan agenda pendidikan tinggi negara tetapi juga mempelajari amalan terbaik dua industri ini. Selain itu, hubungan dengan UTP dan BV diharapkan mampu memberikan impak positif terhadap pencapaian ahli akademik dan pelajar serta membina rangkaian yang lebih erat antara pihak yang terlibat.

Kandungan kerjasama dalam MoU bersama UTP termasuklah usahasama penyelidikan dalam bidang kejuruteraan maritim, kejuruteraan pantai dan lautan, tenaga keterbaharuan, mewujudkan program ijazah bersama, aktiviti latihan dan kompetensi yang melibatkan pertukaran pelajar dan penyelidikan.

Selain itu turut bekerjasama dalam penganjuran seminar, perkongsian maklumat, harta intelek, dan penghasilan penerbitan secara bersama. Pelbagai bentuk kerjasama ini dijangka mampu memberikan nilai tambah yang berkualiti melalui perkongsian merentasi kepakaran dalam memperolehi sesuatu dana penyelidikan terutama yang ditawarkan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, kerjasama bagi membida geran penyelidikan antarabangsa yang bakal melibatkan UTP dan UMT.

Bagi kerjasama dengan BV pula, UMT melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK), secara rasminya menandakan hubungan melalui MoU ini, walaupun telah sekian lama bekerjasama secara tidak langsung sejak tahun 2011 lagi.


Kandungan kerjasama dalam MoU dengan BV termasuklah bekerjasama dalam menjalankan program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang kesepakaran, penggunaan perisian berkaitan program akademik untuk tujuan penyelidikan, pertukaran sumber maklumat, promosi bagi penerbitan bersama termasuk komunikasi ilmiah dan lain - lain lagi. Antara ahli akademik UMT yang terlibat dalam aktiviti di bawah kerjasama tersebut termasuklah Prof. Ir. Dr. Ahmad Jusoh, Prof. Dr. Wan Mohd Norsani Wan Nik, Dr. Salisa Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Oladokun Sulaiman Olanrewaju dan Dr. Mohd Hairil Mohd (UMT). Manakala UTP akan diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Mohd Shahir Liew dan Ir. Haji Othman bin Abdul Kadir daripada BV.

Menteri Pendidikan Tinggi Lancar Buku *Masjid Ulul Albab*

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Penerbit UMT



Penerbit Universiti Malaysia Terengganu sekali lagi diberikan kepercayaan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh untuk menerbitkan buku mewah berprestij tinggi. Pada 22 April 2016, Pengarah Penerbit UMT, YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor telah menerima amanat daripada YB Menteri Pendidikan Tinggi untuk menerbitkan buku *Masjid Ulul Albab*. Hasrat YB Menteri Pendidikan Tinggi ini telah berjaya direalisasikan oleh Penerbit UMT dalam tempoh tidak sampai dua bulan di mana buku *Masjid Ulul Albab* berjaya diterbitkan pada 15 Jun 2016.



Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh telah sudi melancarkan buku *Masjid Ulul Albab* di lokasi masjid itu sendiri di Seberang Jerneh, Besut, Terengganu pada 28 Ogos 2016. Buku *Masjid Ulul Albab* hasil karya Pengarah Penerbit UMT, YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraieen Mansor bersama Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar. Buku mewah ini mendokumentasikan seni reka dan pembinaan Masjid Ulul Albab yang juga dikenali sebagai Masjid Kayu.

UMT dan seluruh warga UMT berasa amat berbesar hati kerana mendapat kepercayaan menerbitkan buku ini. Penerbitan buku *Masjid Ulul Albab* ini sebagai meneruskan kesinambungan tanggungjawab sosial dan citra Penerbit UMT kepada komuniti negeri Terengganu amnya dan masyarakat Malaysia khususnya dalam penyebaran dan perkongsian ilmu dalam bidang penerbitan.

Buku *Masjid Ulul Albab* ini akan dijadikan panduan dan rujukan khusus kepada para pelancong yang datang berkunjung ke Besut dan Negeri Terengganu. Keunikan seni bina masjid berkonsepkan warisan seni bina negeri Terengganu ini amat istimewa kerana ia terbina hasil idea YB Dato' Seri Idris dan mendapat sentuhan arkitek, Hj. Zulkiflie Bidin serta pengukir kayu, Wan Mustafa Wan Su yang kedua-duanya merupakan anak jati kelahiran negeri Terengganu.

Masjid yang mula dibina pada tahun 2009 dan siap digunakan pada 4 Julai 2011 ini mempunyai keluasan tapak 0.2 hektar. Masjid ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin pada 24 Februari 2012.



Dari kiri, pengukir ukiran kayu Masjid Ulul Albab, Wan Mustafa Wan Su, Naib Canselor UMT merangkap pengarang buku, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraieen Mansor dan arkitek Zulkiflie Bidin.



Pengarang buku, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar menerima sijil penghargaan.



YB Dato' Seri Idris Jusoh menyampaikan sijil penghargaan kepada pengarang utama buku Masjid Ulul Albab, YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraieen Mansor.



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan Pengerusi JK Masjid Ulul Albab, Tn. Haji Ayub Jusoh bersama pelajar-pelajar tahfiz.

Masjid ini boleh menampung seramai 1500 orang jemaah pada satu masa.

Masjid Ulul Albab atau Masjid Kayu ini menjadi mercu tanda dan tempat tumpuan persinggahan pelancong di Besut. Ia menjadi tumpuan kerana seni binanya yang unik persis istana lama. Keunikan dan kehalusan seni ukiran kayu dengan corak tradisional seperti motif bunga, daun dan alam semula jadi diabadikan pada masjid ini oleh Adiguru Kraf Ukiran Kayu Malaysia, Wan Mustafa yang dikenali sebagai Wanpo oleh penduduk tempatan.

Pembinaan Masjid Ulul Albab mewarisi reka bentuk tradisional seni bina Melayu Islam dan seni pertukangan Melayu silam. Arkitek, Haji Zulkiflie Bidin mengambil masa selama satu tahun untuk membuat penyelidikan dan lakaran reka bentuk masjid ini. Beliau mengambil konsep masjid Kampung Laut di Tumpat yang dikatakan masjid tertua di Malaysia yang berusia melebihi 250 tahun. Beliau memberikan sentuhan bercirikan konsep kontemporari Islam yang menampilkan Rukun Islam dan 25 rasul pada seni reka Masjid Ulul Albab.



Majlis santai pelancaran buku yang santai dan amat bermakna dengan kehadiran penduduk setempat dan pegawai-pegawai dari UMT serta agensi-agensi kerajaan di sekitar Besut.



Pengarah Penerbit UMT, YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor bersama staf-staf wanita Penerbit UMT.

Sujudku

*Ya Allah...aku bertamu di rumah-Mu...
Mencari ketenangan tanpa jemu
Meredah perjalanan belum ketemu
Meranduk kesukaran menawan kalbu
Memohon hidayah petunjuk-Mu*

*Terimalah sujudku
Terimalah doaku
Terimalah rinduku
Terimalah aku
Di setiap detik waktu
Ketika aku di Masjid Kayu...*

(Noraien Mansor, Jun 2016)



KKPSTEM

Kenal pasti isu dan masalah STEM

oleh: Dr. Laili Che Rose | Pusat Pengajian Sains Asas



Kolokium Kebangsaan Pendidik STEM (KKPSTEM) negeri Terengganu yang bertemakan “Ke Arah Transformasi Minda Sains” pada 28 Mei 2016. KKPSTEM telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia, YBhg. Datuk Prof. Dr. Asma Ismail yang mewakili Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia YB Datuk Mary Yap Kain Ching.

Pada tarikh yang sama, selain menganjurkan KKPSTEM, UMT dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) telah menjadi tuan rumah bagi National Science Challenge (NSC), di mana pertandingan akhir kuiz sains peringkat negeri Terengganu telah diadakan. Turut diadakan pada tarikh itu juga adalah Hari Inovasi 2016 anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UMT di mana para penyelidik dan pelajar di UMT telah mempertandingkan hasil kajian penyelidikan mereka.

Antara objektif utama KKPSTEM diadakan adalah:

- Memperkasa pengetahuan, kemahiran dan kompetensi guru dalam pengajaran subjek STEM.
- Membincangkan amalan terkini dan holistik dalam pengajaran dan pembelajaran STEM selaras dengan keperluan dan pengisian pendidikan abad Ke-21.
- Memperkukuhkan sinergi dan kerjasama proaktif antara ibu bapa, majikan, agensi dan industri dalam bidang STEM

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah memberi ruang bagi memperbaiki mutu sistem pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia. Masalah penjurusan pelajar yang berminat untuk mengikuti bidang aliran sains dan teknikal masih belum dicapai dalam sistem pendidikan negara kita. Nisbah pelajar aliran sains: sastera (60:40) masih jauh untuk dipenuhi sekiranya tiada usaha yang sewajarnya diambil. Semua pihak harus memainkan peranan serta bertanggungjawab dalam memastikan peningkatan kadar nisbah pelajar yang berminat dalam menceburi bidang sains dan teknikal mampu dipertingkatkan. Sains, Teknologi,

Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merupakan model dan sistem yang dipraktikan di negara barat dikesan dapat membantu pelajar-pelajar meminati bidang sains dan matematik seterusnya menjadi asas kepada pelajar dalam menguasai bidang kejuruteraan sains dan teknologi. Institusi Pengajian Tinggi mempunyai peranan masing-masing dalam membantu pelajar menceburi bidang tersebut.

Menyedari perkara ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama National STEM Movement, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Majlis Profesor Negara (MPN), telah mengadakan



bagi menggerakkan aspirasi pendidikan nasional dalam mengisi keperluan tenaga kerja negara.

- Membincangkan isu-isu terkini berkaitan STEM dan keperluan menangani pendidikan STEM masa hadapan.
- Mengenal pasti strategi bagi menangani pelbagai isu yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran STEM.
- Menyediakan satu platform bagi peserta kolokium yang terdiri daripada guru, ibu bapa dan pihak yang terlibat untuk berbincang dan berkongsi maklumat, pengalaman serta hasil penyelidikan tentang isu berkaitan strategi memartabatkan STEM dalam kalangan pelajar.

KKPSTEM mendapat sambutan dengan kehadiran 800 peserta. Mereka terdiri daripada kalangan pengetua sekolah-sekolah di negeri Terengganu, guru-guru bidang STEM, wakil PIBG dan juga turut dihadiri oleh profesor/pensyarah daripada universiti dan kolej dan juga wakil dari beberapa agensi seperti Majlis Profesor Negara (MPN), Akademi Sains Malaysia (ASM), Petrosains dan lain-lain.

Kolokium dimulakan dengan ucapan alu-aluan selaku tuan rumah oleh Naib Canselor, UMT YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan ucapan dari wakil penaja iaitu

CEO MIGHT, Datuk Dr. Mohd Yusoff Sulaiman. Majlis diteruskan dengan penyampaian ucapan oleh YBhg. Datuk Prof. Dr. Asma Ismail dengan tajuk beliau "*Ideas and Ideals on STEM*". Seterusnya, program semakan rancak dengan sesi Forum di bawah kendalian moderator hebat daripada Astro awani iaitu En. Kamarul Bahrin Haron. Ahli-ahli panel bagi sesi forum adalah seperti berikut:

- YBhg. Datin Dr. Ng Soo Boon Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah [KSSM])
- Dr. Raslan Ahmad Timbalan Presiden Kanan, MIGHT (Peranan Industri Dalam STEM)
- Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman UPM (STEM di Malaysia)
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPSI (National STEM Movement: Way Forward)
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT (STEM di UMT)

KKPSTEM juga dilengkapkan dengan sesi selari di mana peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bagi membincangkan tajuk; "*Ke Arah 60% Pelajar Aliran Sains: Realiti Atau Mimpi*". Peserta telah menggunakan sesi ini sebagai satu platform untuk membincangkan

isu-isu terkini STEM dan juga membangkitkan beberapa masalah berkaitan STEM. Sesi ini dikendalikan oleh profesor/pensyarah UMT, UKM, UM dan UPSI serta juga profesor-profesor yang didatangkan khas oleh Majlis Profesor Negara (MPN).

Majlis seterusnya diteruskan dengan pembentangan resolusi dan pelan tindakan KKPSTEM 2016 yang dibaca oleh Prof Dr. Mohd lokman Husain, selaku Pengarah program KKPSTEM. Resolusi dan pelan tindakan KKPSTEM telah menyenaraikan empat inisiatif utama bagi mempertingkatkan penyertaan murid dan guru dalam STEM iaitu; 1) Memperkukuh Pendidikan STEM, 2) Memantap Kemahiran dan Keupayaan, 3) Mempopularkan Pendidikan STEM dan 4) Insentif.

Majlis diakhiri dengan upacara penyampaian hadiah pemenang Hari Inovasi UMT yang disampaikan oleh YB En. Ghazali Taib, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Sains Teknologi dan Tugas-tugas Khas Negeri Terengganu, sekali gus menyempurnakan majlis penutup KKPSTEM. Selain itu turut hadir ialah pada majlis penutup KKPSTEM adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof. Dr. Mohd Effendi Abd Wahid dan juga Dekan Pusat Pengajian Sains Asas merangkap Timbalan Pengarah KKPSTEM iaitu, Prof. Dr. Hamdan Suhaimi.



Jamuan Aidilfitri UMT 2016

Raikan Lebaran, Kemeriah Dikongsi

oleh: Ainul Afizan Elmin | Pejabat Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meneruskan rutin tahunan sambutan Aidilfitri 2016 dengan merai golongan anak-anak yatim daripada sekolah dan penduduk setempat di sekitar kampus UMT. Seramai 181 orang anak-anak yatim telah diraikan pada 18 Julai 2016 di Dewan Sultan Mizan, UMT. Golongan anak-anak yatim ini juga menerima duit raya sebanyak

RM100.00 setiap seorang, hasil kutipan serta sumbangan dalam kalangan warga dan dana UMT dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak RM18,100.00.

Sambutan Jamuan Aidilfitri UMT dengan tema; *Raikan Lebaran, Kemeriah Dikongsi* ini bertambah meriah dengan kehadiran buat pertama kalinya ke kampus UMT Pengerusi Lembaga Pengarah UMT yang baharu iaitu, YBhg.

Dato' Mohammed Azlan Hashim. Kehadiran beliau bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMT yang lain telah disambut oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar serta Pegawai-pegawai Utama dan Pegawai-pegawai Kanan UMT.

Majlis Jamuan Aidilfitri merupakan salah satu acara tahunan yang diadakan di peringkat universiti bagi meraikan semua staf dan juga



Pengerusi LPU UMT, YBhg. Dato' Mohammed Azlan pertama kali hadir dalam majlis bersama warga UMT.



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni bersama Pengerusi LPU UMT, YBhg. Dato' Mohammed Azlan menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim.



Wajah ceria sebahagian daripada golongan anak-anak yatim yang diraikan.

komuniti setempat UMT. Majlis ini berkonsepkan penyediaan pelbagai gerai yang menghidang juadah yang berbeza mengikut PTJ. Konsep ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan komitmen dalam kalangan semua staf UMT.

Pada sambutan Jamuan Aidilfitri kali ini juga UMT telah menjemput

ADUN setempat, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Terengganu, Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun. Turut hadir ialah Pengerusi JKKK Kuala Nerus, Pengarah Institusi Pengajian Tinggi sekitar Kuala Terengganu dan juga pesara UMT.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran pelakon-pelakon drama

“Meh Sandar Pada Aku” seperti Mira Filzah, Aliff Aziz, Reza Rosli dan lain-lain yang kebetulan masih terlibat dengan sesi penggambaran drama tersebut di sekitar kampus UMT. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran staf dan juga pelajar UMT seramai 2000 orang.

Semangat Sehangat Hingga Majlis Anugerah Tahunan UMT 2016

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Penerbit UMT
Jawatankuasa Penerbitan MAT 2016

Suasana Dewan Sultan Mizan (DSM) Universiti Malaysia Terengganu bertukar wajah dengan aura jingga pada malam 17 Julai 2016. Kesemua penerima anugerah yang hadir cukup *sporting*, dengan berpakaian mengikut tema warna jingga sesuai dengan tema majlis kali ini iaitu; Sehangat Jingga. Majlis Anugerah Tahunan Universiti Malaysia Terengganu (MAT 2016) diteruskan dengan menggabungkan Anugerah Julangan Bakat, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015, Hadiah Setia Bakti dan Penghargaan kepada pesara bagi tahun 2016. Majlis MAT 2016 Sehangat Jingga ini, khususnya untuk meraikan warga UMT yang terpilih dan telah memberikan sumbangan besar serta cemerlang dalam perkhidmatan di UMT sepanjang tahun 2016. Sentuhan semangat Sehangat Jingga diaturkan bagi menghargai warga UMT berprestij di peringkat universiti.

MAT 2016 menjadi lebih meriah dengan kehadiran Pengerusi

Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Dato' Mohammed Azlan Hashim bersama Ahli Lembaga Pengarah UMT yang lain iaitu Profesor Dato' Dr. Aziz Deraman dan juga Dato' Asmawi Nordin. Kehadiran tetamu VVIP ini disambut oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar serta Timbalan-timbalan Naib Canselor UMT, Pegawai-pegawai Utama dan Pegawai-pegawai Kanan UMT.

MAT 2016 dimulakan dengan bacaan puisi oleh Penasihat Jawatankuasa Pelaksana MAT 2016, iaitu Tuan Pendaftar UMT, YBrs. En. Mohd Nor Shokri Abdul Rahman. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah kerana MAT 2016 diadakan khusus untuk meraikan warga kerja UMT yang telah memberikan sumbangan cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka pada tahun 2015. Beliau mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana MAT 2016 yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis tersebut.

Manakala Naib Canselor UMT dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa; "Kecemerlangan dan kejayaan menerajui sesebuah organisasi bukan hanya terletak pada kemajuan serta kecanggihan infrastruktur semata-mata tetapi ia juga bergantung kepada keupayaan sumber daya insan organisasi itu sendiri. Manakala kecemerlangan sesebuah organisasi itu datang dari penghayatan nilai kebersamaan (*togetherness*) antara warga organisasi dalam menghadapi pemantapan arus perdana."

Beliau yang mewakili pengurusan tertinggi UMT mengucapkan penghargaan kepada semua pemenang anugerah dan penerima hadiah. Tidak dilupakan kepada 11 orang pesara dan bakal pesara UMT yang telah sekian lama menabur bakti kepada universiti ini.

MAT 2016 juga turut meraikan 89 orang penerima Hadiah Setia Bakti yang telah genap 10 tahun berkhidmat di UMT.



YBhg. Dato' Naib Canselor UMT, YBhg. Dato' Pengerusi LPU dan Tuan Pendaftar semasa menyempurnakan gimik perasmian MAT 2016.

Pada majlis ini seramai 136 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 telah menerima anugerah masing-masing. Dua orang penerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) 2015 pada kali ini ialah Dekan Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur, Profesor Dr. Mazlan Abd Ghaffar dan Pengarah Pusat Pembangunan dan Harta, Ir. Hj. Mohd Zaideen bin Yusoff. Mereka dipilih untuk menerima AKPC kerana telah menjadi Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) yang paling cemerlang serta membawa kemajuan dan kejayaan bagi PTj masing-masing hingga ke peringkat tertinggi di dalam dan luar UMT.



Sebahagian penerima APC 2015 merakam kenangan bersama YBhg. Dato' Naib Canselor UMT.

Manakala acara kemuncak MAT 2016 menyaksikan seramai 24 orang penerima anugerah berprestij UMT iaitu Anugerah Julangan Bakat 2015.

Semoga penganjuran Mat 2016 akan menjadi pemangkin kepada warga UMT untuk terus bersemangat Sehangat Jingga dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk mewarnai CITRA UMT.

Tahniah Malaysia

Bidong Oh Bidong

Bidong

*Nama mu memuncak dunia
Di kala negara bercelaru
Kamu membantu dunia
Atas ehsan kemanusiaan*

Bidong...

*Atas ehsan kemanusiaan kamu
Kamu diganyang atas dan bawah
Kamu diganyang luar dan dalam
Akhirnya kamu ketelanjangan gersang
Tanpa pohon untuk berteduh
Tanpa pantai untuk ikan bermain*

Bidong

*Habis... Apa yang ada?
Hanya kuboran tinggalan silam
Yang masih utuh tidak bertuan*

Bidong

*Takdir Tuhan tak siapa yang tahu
Rupanya takdirmu masih dalam suratan
UMT melayang menghulur bantuan
Moga kamu kembali menawan*

Bidong

*Kini kamu sudah nampak tersenyum
Kamu tidak ketelanjangan lagi
Pantai kamu sudah berpengunjung*

Bidong

Kamu sudah...MERDEKA

Aziz Deraman
31 Ogos 2016
Pulau Bidong



59 tahun Merdeka!



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar (kanan) turut serta dalam sesi membersihkan dasar laut.



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dikelilingi pemandangan indah di dasar laut Pulau Bidong.



Peserta Program Bidong Merdeka Dive turut melakukan operasi membersihkan dasar laut persekitaran Pulau Bidong.



31 Ogos 2016- Program Bidong Merdeka Dive 2016, program istimewa sambutan merdeka oleh Universiti Malaysia Terengganu.



Kembara Kelulut Genting Kra Thailand

oleh: Muhammad Firdaus Sulaiman | Pelajar Siswazah
Jurufoto : Mokhtar Ishak | Pusat Komunikasi Korporat

Pada edisi sebelum ini, pembaca dihidangkan pengalaman penyelidik UMT menemui kelulut emas di Sarawak, kini Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut UMT meneruskan siri kembara mereka ke ladang-ladang kelulut sekitar Kota Bharu dan Selatan Thailand. Siri kembara yang dikenali sebagai Kembara Kelulut Genting Kra, Thailand ini telah berlangsung pada 12 hingga 13 Julai 2016. Lawatan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri Abd Razak kali ini turut disertai oleh Pegawai dari Pusat Apiari Nasional Parit Botak En. Zaakbah Mian, penyelidik dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr. Abd Jamil Zakaria, penyelidik Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian (USM) dan Pengusaha-pengusaha Kelulut Kelantan.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk menyiasat dan mendapat maklumat terkini susulan kejadian serangan besar-besaran perosak yang memusnahkan beribu koloni kelulut baru-baru ini. Lawatan ke Selatan Thailand (Takbai, Narathiwat dan Pattani) adalah jemputan dari pengusaha-pengusaha kelulut Thailand yang ingin mendapat maklumat dan khidmat nasihat tentang penternakan kelulut. Mereka juga turut mengambil cakna dengan kejadian serangan serangga perosak yang telah merugikan ramai penternak kelulut Malaysia. UMT selaku Universiti Awam yang sedang rancak menjalankan penyelidikan kelulut berasa berbesar hati untuk



Rombongan Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut UMT merakamkan kenangan bersama penternak di daerah Yaring/Jambu.



Kerumunan *Tetragonula laeviceps* pada sarang *H. itama* sedang berlaku (proses pengambil alihan sarang oleh spesies berbeza).

berkongsi kepakaran dengan pengusaha ladang kelulut di Selatan Thailand. Pihak penyelidik UMT atas rasa tanggungjawab terhadap permasalahan yang melanda industri kelulut antarabangsa telah mengambil langkah proaktif melakukan penyiasatan serta pemerhatian yang mendalam bagi mencari punca seterusnya jalan penyelesaian bagi meredakan kemelut serangan perosak yang berpotensi menjatuhkan perusahaan kelulut secara menyeluruh.

Senario perusahaan kelulut di Pattani mempunyai perbezaan yang ketara berbanding Malaysia. Perusahaan kelulut di Pattani dilihat kurang memberangsangkan berbanding di Malaysia yang mendapat sokongan daripada agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan komuniti. Pengusaha di Pattani lebih menumpukan kepada penghasilan madu sahaja manakala pengusaha kelulut di Malaysia sudah mula beralih kepada inovasi produk hiliran berasaskan kelulut seperti

sabun madu, losyen pelembap muka, krim luka dan sebagainya.

Kesinambungan daripada perkara tersebut menyebabkan pengusaha kelulut di Pattani menekankan aspek pengurusan ladang yang efektif seperti menyediakan ladang transit yang bertujuan melakukan proses pemotongan bongkah lebihan pokok dan pemasangan *topping* sebelum dihantar ke ladang ternakan bagi tujuan penghasilan madu. Berbeza dengan pengusaha kelulut tempatan yang menjadikan ladang ternakan



Struktur sel telur spesies Heterotrigona itama yang aktif dan bebas dari serangan perusak.



Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri (tengah) sedang menjalankan pemerhatian terperinci mengenai kawasan persekitaran ladang ternakan kelulut.



Lalat 'black soldier fly' dewasa ditemui disekitar salah satu ladang ternak di Daerah Yaring/Jambu, Selatan Thailand. Tiada tanda serangan terhadap koloni kelulut.



Madu kelulut kawasan tanaman pauh. jernih dan pekat.

sebagai tempat pemrosesan koloni kelulut. Oleh itu, kebersihan kawasan ternakan terpelihara daripada tumpahan madu, serpihan roti lebah, dan hampas habuk kayu yang dikhuatiri berpotensi menjadi kawasan pembiakan yang kondusif bagi serangga perosak kelulut.

Pengusaha kelulut dari Pattani juga mengalu-alukan kedatangan penyelidik dari UMT agar industri madu nasional dapat dikembangkan selaras dengan negara membangun yang lain. UMT juga dalam rangka kerja melengkapkan Makmal Kualiti Madu Pantai Timur yang dijangka akan beroperasi secara penuh

menjelang tahun 2017. Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut UMT juga mengalu-alukan kolaborasi dengan penyelidik-penyelidik dari mana-mana institusi pengajian lain, agensi-agensi kerajaan dan delegasi-delegasi luar negara agar kelestarian dalam penyelidikan dapat dipelihara oleh generasi penyelidik muda akan datang.

Penyelidik UMT Hasilkan Roti Piza Inovasi Berkalsium Tinggi

oleh:
Rabil Sitta Abdul Rahman | Penerbit UMT
Dr. Mohd Nizam Lani | Pusat Pemindahan
Ilmu dan Jaringan Industri



Kebiasaannya tulang ikan terbuang begitu sahaja terutama selepas isi ikan diambil dan digunakan untuk pembuatan keropok lekor di Negeri Terengganu. Sebenarnya tulang ikan ini juga mempunyai manfaat dan tinggi kandungan kalsium. Kumpulan penyelidik UMT yang diketuai oleh Dr. Mohd Nizam Lani melalui geran Community Innovation Fund (CIF), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menemui cara untuk menghasilkan roti piza yang berkalsium tinggi dan bermanfaat untuk kesihatan melalui penghasilan doh roti yang dicampur dengan serbuk tulang ikan yang diproses secara nano partikel di makmal UMT.

Kumpulan penyelidik UMT yang terdiri daripada Dr. Mohd Nizam Lani, Dr. Mohd Sabri Mohd Ghazali, Dr. Nor Fazlyana serta enam penyelidik lain berjaya menghasilkan serbuk hidroksiapatit iaitu sisa tulang ikan yang diproses secara nano partikel dan ianya terbukti selamat dimakan menerusi ujian toksikologi yang dijalankan. Serbuk ini tinggi kandungan kalsium dan apabila ditambah dengan doh piza, ia akan menghasilkan doh yang sangat lembut daripada biasa. Kumpulan penyelidik ini juga telah menjalankan



KSU MOSTI, Dato' Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya (tiga dari kiri) menunjukkan isyarat bagus selepas menikmati pizza inovasi ini.



Siapa sangka sisa tulang ikan yang terbuang boleh dimanfaatkan menjadi roti pizza yang lazat dan berkhasiat.

kerjasama dengan Koperasi Bukit Guntung, Kuala Terengganu yang telah berjaya memasarkan pizza ini kepada orang ramai dan mendapat sambutan hangat dalam kalangan penggemar pizza di sini.

Projek penyelidikan yang dijalankan selama setahun setengah ini mendapat dana sebanyak RM410,000.00 daripada tabung CIF, MOSTI. Projek penyelidikan dan inovasi ini mendapat perhatian daripada pihak MOSTI di mana Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya telah turun padang membuat tinjauan penghasilan roti pizza berkalsium tinggi di Koperasi Bukit Guntung. Kehadiran beliau disambut oleh Dr. Mohd Nizam Lani, Dr. Mohd Sabri Mohd Ghazali dan Dr. Nor Fazlyana serta Pengurus Projek Koperasi Bukit Guntung, Puan Nurhanani Ismail. Beliau telah membuat tinjauan melihat sendiri demonstrasi

menghasilkan pizza dan mencuba kelazatan pizza berkalsium tinggi ini. Semasa sesi lawatan tersebut, Dr. Mohd Nizam Lani menjelaskan bahawa doh pizza yang terhasil menggunakan serbuk hidroksiapatit daripada sisa tulang ikan ini bukan sekadar lazat dimakan tetapi ia juga selamat untuk kesihatan kerana ia terhasil menggunakan sumber bahan semula jadi.

Pihak Koperasi Bukit Guntung, Kuala Terengganu juga telah memperkenalkan pizza inovasi ini kepada orang ramai di kampus UMT sempena Program Usahawan Lestari yang diadakan di kampus UMT pada 15 Ogos baru-baru ini. Penyelidik projek Dr. Mohd Sabri Mohd Ghazali dan Pengurus Koperasi Bukit Guntung, Puan Nurhanani Ismail telah berkongsi pengalaman dengan peserta dan pelajar mengenai inovasi yang dijalankan dan peluang keusahawanan daripada produk ini.

Semoga projek inovasi ini akan dapat meningkatkan sosioekonomi ahli Koperasi Bukit Guntung dan masyarakat setempat. Pihak Universiti Malaysia Terengganu mengucapkan terima kasih kepada pihak MOSTI atas sumbangan Dana CIF yang diberikan kepada Koperasi Bukit Guntung yang bekerjasama dengan penyelidik UMT. Pihak UMT juga sangat menghargai kepercayaan yang diberikan oleh pihak Koperasi Bukit Guntung kerana sudi menerima kepakaran daripada UMT untuk menjayakan projek ini.

Semoga kerjasama ini akan menjadi pemangkin kepada penyelidik-penyelidik UMT yang lain untuk menjalankan lebih banyak projek penyelidikan yang boleh memberikan lebih banyak manfaat untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

Cakna Asnaf

Berkongsi Rezeki bersama Insan Lain

oleh:
Faizah binti Ismail
Mohd Safiuddin bin Sulong | Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT



Pusat Islam Sultan Mahmud telah mengadakan kempen Fastabiqul Khairat bermula pada tahun 2013. Kempen ini mengajak semua warga UMT berlumba-lumba melakukan kebaikan (fastabiqul khairat) merujuk kepada ayat al-Quran dalam al-Baqarah ayat 148. Selaras sambutan Festival Ramadan 1437 H, Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM), UMT sekali lagi memperkenalkan kempen bersedekah iaitu mengeluarkan sumbangan kepada asnaf pelajar UMT dan komuniti kejiranan UMT.

Sumbangan dibuka dalam bentuk beberapa kategori iaitu tajaan iftar sehari (RM2,000.00), tajaan iftar seorang asnaf (RM5.00), sumbangan

sekampit beras (RM25.00), sumbangan sebahagian daging lembu (RM550.00) dan sumbangan wang tunai terbuka. Alhamdulillah, jumlah sumbangan pada tahun ini meningkat ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Tahun	Jumlah Sumbangan (RM)
2016	RM77, 575.00
2015	RM55,532.00
2013	RM25,326.00
2012	RM9,500

Pada 30 Jun 2016 bersamaan 25 Ramadan 1437 H PISM UMT telah mengadakan program Cakna Asnaf di komuniti kejiranan UMT bertujuan untuk mengagihkan sumbangan yang

telah disalurkan oleh warga UMT di dalam kempen Fastabiqul Khairat sepanjang Ramadan. Cakna Asnaf telah dilancarkan oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar yang melibatkan seramai 250 sukarelawan terdiri daripada warga UMT.

Melalui program ini, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni turut meluangkan masa menziarahi seorang asnaf iaitu Puan Sulong binti Salleh yang merupakan seorang ibu tunggal. Beliau yang mengalami masalah kesihatan seperti darah tinggi dan kencing manis serta tidak boleh berjalan tinggal bersama tiga orang cucu-cucunya di sebuah rumah usang. Di akhir pertemuan, YBhg.



Profesor Dato' Dr. Nor Aieni telah menyampaikan sumbangan barangan dapur serta wang tunai.

Agihan sumbangan Cakna Asnaf pada kali ini turut mendapat kerjasama pelbagai pihak di antaranya Persatuan Kebajikan Pengurusan Akademik UMT, Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT, Kesatuan Kakitangan Am, Kelab Pemilik Alza, Bikers Club Malaysia, Kelab MUTIARA UMT, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kubang Badak, JKKK Tanjung Gelam dan JKKK Mengabang Telipot.

Hasil sumbangan warga UMT yang dermawan sebanyak 600 kampil

“Hasil sumbangan warga UMT yang dermawan sebanyak 600 kampil beras dan 500 pek daging lembu telah berjaya diagihkan...”

beras dan 500 pek daging lembu telah berjaya diagihkan melibatkan fakir miskin di Kampung Kubang Badak, Kampung Tanjung Gelam, Kampung Pak Tuyu dan Kampung Mengabang Telipot. Kampung (JKKK)

Kubang Badak, Tanjung Gelam dan Mengabang Telipot.

Semoga amal-amal ini diterima oleh Allah dan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran selaras dengan firman Allah yang bermaksud;

“Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi sesiapa yang dikehendaki dan Allah maha luas, maha mengetahui.” Surah Ali-Imran: Ayat 261.

Vaksinasi Haiwan dan Kaedah Pencegahan

Syarahan Inaugural

Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid

oleh: Harisom Anida Musa | Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Sumber: Pusat Komunikasi Korporat



daripada pelbagai latar belakang ilmu sejajar dengan amalan yang diperkenalkan universiti sejak dahulu lagi. Syarahan ini adalah sebagai satu landasan yang baik buat semua ahli akademik untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan ilmu pengetahuan dalam disiplin ilmu yang mereka ceburi. Syarahan perdana ini telah memberi pendedahan mengenai apa dan bagaimana kaedah pemvaksinan dan pencegahan penyakit ke atas haiwan dapat ditangani dengan berkesan, sepertimana penyelidikan yang telah dilakukan oleh tokoh ilmuwan zoologi Islam, Al-Jahiz yang dikumpulkan di dalam karya beliau, *Book of Animals* (Kitab Al-Hayawan).

Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid yang merupakan pakar dalam bidang vaksinasi haiwan dilahirkan pada 26 Oktober 1996 di Banda Hilir, Melaka. Beliau telah menamatkan pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Dato' Seri Amar Di Raja, Muar, Johor. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dalam pengkhususan *Animal Health and Production* pada tahun 1984 di Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Kecintaan beliau terhadap aspek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah memotivasikan beliau

Siri syarahan inaugural Universiti Malaysia Terengganu (UMT) diteruskan dengan syarahan perdana oleh Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi dengan tajuk; "Vaksinasi Haiwan dan Kaedah Pencegahan pada Haiwan" (*Mucosal Immunity: Animal Vaccination and Disease Prophylaxis*). Majlis ini berlangsung di Auditorium

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT pada 30 Mei 2016 yang lalu dan diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan UMT, Dekan-dekan, warga akademik, staf dan para pelajar UMT.

Program syarahan inaugural ini bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan profesor yang terdiri



untuk menyambung pengajian beliau ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang *Veterinary Immunopathology* pada tahun 1995.

Beliau telah menerima Anugerah Tesis PhD Terbaik daripada Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1998. Memulakan kerjaya beliau dalam bidang Akademik di UPM Terengganu (UPMT) pada bulan November 1998 di Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas dan menerima tawaran sebagai Pasca Doktor Akademik di Korean Institute of Science and Technology Evaluation and Planning (KISTEP), Universiti Kebangsaan Chonnam, Kwangju, Korea Selatan dalam tahun 2003.

Sepanjang perkhidmatan, Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid telah menjawat jawatan sebagai Ketua Pusat Perkembangan dan Kebajikan Pelajar di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUSTEM pada tahun 2004 dan pada akhir tahun 2005, beliau telah diberikan tanggungjawab yang besar untuk mengasaskan penubuhan Institut Bioteknologi Marin (IMB). Kemudiannya beliau telah dilantik ke jawatan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

pada tahun 2013, dan kemudiannya sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UMT yang pertama pada tahun 2014.

Profesor Dr. Mohd Effendy telah memulakan penyelidikan pertama mengenai Hispatologi Kesukaran Rahim dan Kesan Sampingan Kacip Fatimah di sebuah makmal kecil di Institut Oseanografi (INOS) pada tahun 1999. Sebanyak 60 penerbitan penyelidikan saintifik telah dihasilkan beliau di dalam pelbagai jurnal, terutamanya di bidang Mikrobiologi, Immunologi dan Bioteknologi. Menerusi aktiviti penyelidikan, beliau telah berjaya meraih 13 *Special Research Awards*, 16 pingat di pertandingan penyelidikan antarabangsa dan 24 pingat pada pertandingan dan pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan. Beliau juga telah menerima penghargaan Excellent Scientist Award daripada Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2005, dan merupakan penerima pertama National Intellectual Property Award 2006 (Kategori Individu). Buat masa ini, beliau telah menumpukan perhatian kepada penyelidikan perkembangan *Novel Adjuvants for Mucosal Vaccines*, membangunkan

Santuari Kuda Laut di Johor Darul Takzim serta mengurus program Pengurusan Mapan Menggunakan Mikroalga dengan kerjasama Japan International Collaboration Agency (JICA).

Pengurusan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah selaku Pengerusi Pelaksana Majlis Syarahan Inaugural UMT ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pelajar, warga akademik dan warga UMT umumnya, kerana telah sama-sama hadir bagi mengikuti program syarahan inaugural ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Naib Canselor UMT di atas sokongan dan bimbingan dalam melancarkan perjalanan program ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada, Pengarah PPH, Dekan-dekan Pusat Pengajian serta Jawatankuasa Pelaksana yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan majlis ini. Semoga program wahana ilmu yang telah dianjurkan ini memberi manfaat dalam memartabatkan lagi keserjanaan dan kewibawaan ahli akademik UMT.

Bual Bicara Keusahawanan dan Kerjaya bersama Ikon Korporat

oleh: Rozita Jayus | Pusat Keusahawanan dan Kerjaya



“ Kerjaya sebagai usahawan memerlukan minat yang mendalam, sabar dan berdaya saing serta keyakinan terhadap diri sendiri adalah faktor utama untuk menjadi seorang usahawan berjaya”. Itu yang diungkapkan oleh ikon korporat, YAM Dato’ Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail dalam Program Bual Bicara Keusahawanan dan Kerjaya di UMT baru-baru ini.

Pusat keusahawanan dan Kerjaya mengetengahkan ikon ini bagi memberi suntikan semangat dan dorongan kepada para pelajar dalam usaha mengejar impian membina kerjaya yang diimpikan. Beliau turut mendedahkan keperluan industri masa kini serta hala tuju kerjaya selepas tamat pengajian.

Kehadiran YAM Dato’ Seri disambut oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato’ Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Pegawai-pegawai Utama UMT dan disertai seramai 213 orang pelajar daripada pelbagai program pengajian, MPP, MKS, GE Avengers, ENACTUS dan Kelab Usahaniaga. Kehadiran beliau ke UMT juga dapat mengembangkan jaringan hubungan antara universiti dengan industri.

Program selama 90 minit ini telah memberi inspirasi kepada para pelajar bahawa banyak peluang kerjaya yang boleh diteroka dengan berbekalkan semangat juang yang tinggi, pengetahuan, serta pengalaman semasa di universiti yang boleh membutuhkan bibit-bibit kejayaan pada masa akan datang.

Program Kasih Ramadan Rai Insan Anugerah Tuhan

oleh: Dr. Noraida Haji Ali | Exco Kelab MUTIARA, UMT

Program kasih Ramadan Raihan Insan Anugerah Tuhan merupakan program di bawah anjuran Kelab MUTIARA, UMT bersama Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT dan BERKAT (Badan Amal dan kebajikan Profesional Wanita Terengganu, Wilayah Persekutuan dan Selangor). Program ini telah diadakan pada 23 Jun 2016 bersamaan 18 Ramadan 1437 H. Insan anugerah Tuhan ini merupakan anak-anak istimewa dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot yang terdiri dari kalangan mereka yang *Slow Learner*, Autisme dan *Down Syndrome*. Program ini disertai oleh 58 orang insan istimewa, 10 guru pengiring, tiga orang pembantu pengurusan murid dan beberapa ahli kelab MUTIARA.

Program ini bermula dengan sesi persiapan raya yang telah diadakan di gedung tekstil Jakel Kuala Terengganu seawal jam 9.00 pagi. Sesi ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Naib Canselor, UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar. Beliau turut turun padang bersama-sama dalam sesi pemilihan persiapan raya yang terdiri daripada sepasang baju melayu, baju kurung, sampin dan tudung. Pihak Jakel telah memberi diskaun istimewa dan menyediakan staf untuk melayan keretah anak-anak ini sepanjang proses pemilihan pakaian raya. Program persiapan raya diteruskan lagi di Pasar Raya Mydin untuk persiapan membeli songkok dan kasut di mana Pasar Raya Mydin turut memberi diskaun istimewa kepada anak-anak istimewa ini. Keriang-an anak-anak istimewa jelas terpancar di wajah mereka sepanjang sesi persiapan raya ini diadakan.

Program ini diteruskan lagi dengan majlis iftar di Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT. Di majlis iftar ini, anak-anak istimewa ini diraikan dengan penyampaian persiapan raya secara rasmi dan majlis berbuka puasa bersama YBhg Dato' Naib Canselor, pengurusan tertinggi



Selepas dibawa membeli-belah anak-anak istimewa ini turut diraikan dalam majlis iftar di Pusat Islam Sultan Mahmud UMT.

UMT, wakil BERKAT, ahli-ahli MUTIARA dan pelajar-pelajar UMT. Ini merupakan pengalaman bermakna buat anak-anak istimewa ini apabila dihidang berbuka puasa dalam talam dan makan beramai-ramai. Layanan istimewa ini memberikan rasa gembira bagi kanak-kanak istimewa ini.

Program ini berjaya dilaksanakan hasil dari sumbangan ahli-ahli MUTIARA dan sumbangan dari individu dan dari BERKAT yang begitu prihatin sama ada dari segi sumbangan kewangan, tenaga dan masa.

Pesta Tuaian Pingat Pencapaian Cemerlang UMT di SUKUM Ke-41

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid | Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Mohd Fadzli Badaudin | Pusat Sukan dan Rekreasi



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melengkapkan penyertaan SUKUM ke-41 USIM 2016 dengan mencipta rekod antara pencapaian ke-2 terbaik dalam temasya Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM), dengan merangkul pelbagai pingat dalam semua acara yang disertai. Tirai penutup SUKUM menyaksikan UMT berada di tangga kelima daripada keseluruhan 20 universiti awam yang bersaing termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Penganjuran acara sukan tahunan SUKUM Ke-41 telah memilih Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Negeri

Sembilan sebagai tuan rumah, telah berlangsung pada 8 – 13 Ogos 2016. Sebanyak 16 acara sukan telah dipertandingkan dengan melibatkan tujuh lokasi acara di sekitar Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM, Bandar Baru Nilai, Bangi dan Seremban.

Kemuncak kemeriahan SUKUM diserikan pada malam perbarisan setiap kontinjen bertanding diperkenalkan dalam Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan. Dalam edisi SUKUM kali ini, UMT bersaing dalam tujuh acara termasuk satu acara memanah

jemputan dengan seramai 122 orang atlit yang diketuai oleh Encik Mohd Nor Shokri Abdul Rahman, Pendaftar UMT yang juga merangkap Ketua Kontinjen (HOD).

Antara kejayaan manis kontinjen UMT ialah dalam acara badminton berpasukan yang meraih pingat emas selepas menundukkan musuh tradisi, Universiti Utara Malaysia (UUM) di perlawanan akhir. Selain itu, pasukan tenis dan bola tampar pula muncul sebagai Naib Johan dengan membawa pulang pingat perak. Acara berbasikal turut menyumbang pingat perak melalui kayuhan bertenaga Muhammad Adhwa Amzar Sagnal.



Acara seperti bola sepak dan futsal lelaki pula tidak mengecewakan kem kontinjen UMT dengan berjaya mara ke peringkat separuh akhir untuk meraih pingat gangsa.

Dalam acara boling padang, pasukan wanita dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan selepas mendominasi kategori *Triples* dan *Fours* dengan pingat emas dan pingat gangsa daripada kategori *Pairs*. Pasukan boling padang lelaki turut merangkul Naib Johan keseluruhan setelah meraih pingat emas dalam kategori *Single*, pingat perak dalam acara *Pairs* dan pingat gangsa dalam acara *Fours*. Dalam acara memanah

jemputan, atlet UMT, En. Kamal Talib muncul selaku Johan dalam kategori individu, yang diadakan pada hari akhir kejohanan, sekali gus melengkapkan kejayaan cemerlang kontinjen UMT.

Secara keseluruhan, kutipan pingat SUKUM yang dicatatkan oleh UMT ialah dua pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa. Pencapaian terbaik UMT sepanjang penyertaan dalam SUKUM ialah pada tahun 2009, di mana UMT menjadi tuan rumah ketika itu dengan merangkul empat pingat emas, tiga pingat perak dan tiga gangsa selaku Naib Juara.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi, Haji Mohamad Rafee Jusoh, yang juga merupakan Ketua Urus Setia (HOS) berkata, pencapaian yang diperolehi kali ini hasil daripada latihan sepanjang tahun serta kerjasama berpasukan dan sokongan padu pengurusan UMT terutama YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor dalam meniup semangat juang kepada setiap atlet. Dalam setiap acara yang disertai, pasukan UMT sentiasa dihormati pihak lawan kerana mampu mencipta kejutan dan sukar ditewaskan oleh pasukan pilihan.

Pasukan Boling Padang UMT Lakar Sejarah di SUKUM 2016

oleh: Shafarina Abu Bakar @ Abdullah | Penerbit UMT, Canselori

Pasukan Boling Padang UMT telah berjaya melakar sejarah tersendiri pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) ke 41 bertempat di Kompleks Sukan Seremban 2, Negeri Sembilan pada 6 hingga 13 Ogos 2016. Pasukan boling padang UMT menghantar 22 orang atlet bersama dua orang jurulatih dan seorang pengurus.

Kejayaan merangkul tiga pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa merupakan pencapaian terbaik pasukan Boling Padang UMT sepanjang penglibatan di kejohanan SUKUM. Pingat emas yang diperolehi melalui disiplin *Men Single*, *Women's Fours* dan *Women's Triples* amatlah mengujakan kerana sasaran untuk mendapatkan pingat pada awalnya hanya tiga pingat gangsa untuk pasukan Boling Padang UMT sebagaimana yang telah ditetapkan oleh *Chief de Mission* Kontinjen UMT SUKUM 2016, Encik Mohd Nor Shokri Abd Rahman, yang juga merupakan Pendaftar UMT.





MEDIA KREATIF
PKK UMT - www.umt.edu.my

Disiplin lain yang turut menyumbang pingat adalah *Men's Pairs* (Pingat Perak), *Men's Fours* (Pingat Gangsa) dan *Women's Pairs* (Pingat Gangsa). Mengulas kejayaan pasukan Boling Padang UMT, Encik Zulkepli Abd Wahab yang merupakan jurulatih utama, amat bersyukur dan berbangga dengan usaha semua pemain yang telah menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk menggapai pingat demi menaikkan nama UMT di arena sukan universiti awam Malaysia.

Pasukan Boling Padang UMT turut menerima Piala Iringan apabila pasukan wanita telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Pasukan Wanita manakala pasukan lelaki berjaya sebagai Naib Juara Keseluruhan Pasukan Lelaki. Seorang atlet juga telah dipilih sebagai Pemain Terbaik Boling Padang SUKUM 2016 iaitu Mazlina Mohd Razaki, yang merupakan *Skip* untuk *Women's Fours*. Membawa nama KOBERT sebagai penaja utama, pasukan Boling Padang UMT turut memecah rekod sasaran UMT untuk SUKUM 2016 iaitu, dua pingat emas, tiga pingat perak dan empat pingat gangsa.

Pencapaian;

- ❖ Piala Iringan Johan Lawn Bowls (Wanita)
- Pingat Emas**
- ❖ *Men Single* - Mohamed Azman Hassan @ Jusoh
- ❖ *Women's Fours* - Shafarina Abu Bakar @ Abdullah, Asniza Aziz, Aima Faqiah Ismail, Roziana Arifin, Mazlina Mohd Razaki
- ❖ *Women's Triples* - Nor Azlina Mohamad, Nurzuhrah Hassan, Nor Aslinda Razek
- Pingat Perak**
- ❖ *Men's Pairs* - Abdul Manaf Ahmad, Raja Mohd Sharifuddin Amin Mohd Shamsor
- Pingat Gangsa**
- ❖ *Men's Fours* - Wan Mohd Yusuf Wan Hassan, Mohd Nurazi Khanafiah, Abdullah Wan Jaapa, Abol Munafi Ambok Bolong
- ❖ *Women's Pairs* - Nurrul Izzaini Mohamad, Nusaibah Yusof

RENUNGAN

Infaq Dunia Manfaat Akhirat

Firman Allah SWT:

*“Perbandingan derma orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (infaq), ialah sama seperti benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; bagi setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”-
Surah al-Baqarah: ayat 261*

Dalam ayat tersebut Allah SWT telah menggambarkan tentang beruntungnya golongan yang suka menyumbangkan hartanya ke jalan yang diredhai Allah (infaq). Gandangan yang tidak berpenghujung itu akan menatijahkan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda bahkan bakal memperolehi syurga Allah. Ketahuilah bahawa kehidupan di dunia hanyalah sementara, kelak akan berpindah ke alam akhirat. Lantaran itulah, kita dituntut untuk melakukan sebanyak mungkin amalan dunia yang mampu menatijahkan syafaah di akhirat kelak. Dalam hal ini juga, Allah SWT telah berpesan di dalam surah al-Qasas ayat 77:

“Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) di akhirat, dan janganlah kamu lupa bahagianmu dari (kenikmatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi ini. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Ayat di atas turut menjelaskan tentang keutamaan pencarian pahala untuk manfaat di akhirat, di samping itu perlu dilestarikan alam ini bagi mengelakkan kemurkaan Allah SWT. Justeru kelestarian alam juga merupakan amanah Allah yang perlu dipertanggungjawabkan.

Dr. Firdaus Khairi Abdul Kadir
Pusat Islam Sultan Mahmud
Universiti Malaysia Terengganu



STATISTICAL METHODS FOR APPLIED RESEARCH

ISBN: 978-967-0962-33-7


Pengarang:
Nor Azida Aleng@Mohamad
Wan Muhamad Amir W Ahmad
Nurfadhlina Abdul Halim
Syerrina Zakaria



MASJID ULUL ALBAB

ISBN: 978-967-0962-21-4

Pengarang:
Noraien Mansor
Nor Aieni Haji Mokhtar



SCIENTIFIC EXPEDITION TO BRUNEI BAY

ISBN: 978-967-0962-18-4

Penyunting:
Suhaimi Suratman



TUMBUHAN ULAM HERBA TRADISI MALAYSIA

ISBN: 978-967-0962-27-6

Pengarang:
Abdullah Md. Zain
Noor Asiah Ismail
Razifah Mohd Razali
Noor Hisham Mohd Zainal Abidin
Site Noorzuraini Abd. Rahman



IMPAK SOSIOEKONOMI PERLOMBONGAN PASIR DI SUNGAI KELANTAN

ISBN: 978-967-0962-24-5

Pengarang:
Siti Aisyah Saat



BARAH SOSIAL DALAM KOMUNITI

ISBN: 978-967-0962-25-2

Pengarang:
W. A. Amir Zal